

**RUMAH PANJANG TEBERU, SPAOH:  
PEMELIHARAAN DAN PERUBAHAN  
SOSIOEKONOMI DARI TAHUN 1990  
SEHINGGA TAHUN 2019**



**MARGARET LANDAN ANAK LUMPOH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**RUMAH PANJANG TEBERU, SPAOH:  
PEMELIHARAAN DAN PERUBAHAN  
SOSIOEKONOMI DARI TAHUN 1990  
SEHINGGA TAHUN 2019**

**MARGARET LANDAN ANAK LUMPOH**



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
2022**

## PENGESAHAN

JUDUL : **RUMAH PANJANG TEBERU, SPAOH: PEMELIHARAAN DAN PERUBAHAN SOSIOEKONOMI DARI TAHUN 1990 SEHINGGA TAHUN 2019**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MARGARET LANDAN ANAK LUMPOH** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah Keselamatan atau kepentingan Malaysia yang termaktub dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



UTMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

---

**MARGARET LANDAN  
ANAK LUMPOH  
BA19110619**

---

**(DR. BASZLEY BEE B. BASRAH BEE)  
PENYELIA**

## PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29 JULAI 2022



---

MARGARET LANDAN ANAK LUMPOH  
BA19110619



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan dengan membekalkan saya kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Segala cabaran yang saya hadapi sepanjang tempoh perjuangan ini, saya dapat merasakan setiap penyertaan daripada Tuhan dalam kehidupan saya.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Baszley Bee B. Basrah Bee selaku penyelia saya sepanjang penulisan tesis ini. Segala ketabahan beliau dan masa yang diluangkan oleh beliau bersama-sama dalam menyiapkan penulisan tesis ini tidak dapat dizahirkan dengan kata-kata. Namun, biarlah keberhasilan tesis ini membuatkan dirimu akan dihargai sepanjang hayat. Segala tunjuk ajar daripada dr akan saya jadikan segala teladan dan motivasi dalam kehidupan di masa yang akan datang.

Dalam masa yang sama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang selama ini menjadi penyokong utama saya semasa melaksanakan penulisan tesis ini. Disamping itu juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada abang-abang saya yang turut menyokong saya dalam proses menyiapkan penulisan tesis ini.

Sehubungan dengan itu, segunung kasih ingin saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Octivia Remmyas kerana sudi memberikan nasihat dan pertolongan sebagai sahabat yang saling mendorong antara satu sama lain bagi terus membuahkan semangat yang tabah sepanjang saya melaksanakan penulisan tesis ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penulisan tesis ini terutamanya penduduk di Rumah Panjang Teberu. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tuai Rumah Panjang Teberu kerana telah membenarkan saya membuat kajian di Rumah Panjang mereka. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada para responden iaitu penduduk di Rumah Panjang yang terlibat dalam temu bual dalam memperoleh maklumat dalam penulisan tesis ini. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas kebaikan anda semua.

**MARGARET LANDAN ANAK LUMPOH**  
**29 JULAI 2022**

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pemeliharaan dan perubahan sosioekonomi di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Kajian ini dijalankan di Rumah Panjang Teberu, Spaoh Sarawak. Permasalahan kajian yang mendasari kajian ini adalah berkaitan dengan pemeliharaan dan perubahan sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu daripada penubuhan Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019 sebelum negara dilanda pandemik. Oleh itu, objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah latar belakang Rumah Panjang Teberu, meninjau pemeliharaan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019 dan mengenalpasti perubahan sosioekonomi di dalam kalangan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu temu bual, kaedah perpustakaan dan analisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu masih lagi melakukan pemeliharaan dalam bidang sosioekonomi seperti adat dan pantang larang yang diamalkan semasa majlis perkahwinan, perayaan Hari Gawai Dayak, kematian dan teknik dalam aktiviti pertanian dan penternakan yang masih lagi diamalkan oleh mereka sehingga kini. Selain daripada itu juga, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perubahan yang berlaku di Rumah Panjang Teberu dalam bidang sosioekonomi. Perubahan yang berlaku adalah disebabkan oleh pengaruh Kristianisasi dan kemajuan teknologi.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Kata Kunci:** Masyarakat Iban, Pemeliharaan, Perubahan, Sosiekonomi

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
<b>PENGAKUAN</b>	I
<b>PENGESAHAN</b>	II
<b>PENGHARGAAN</b>	III
<b>ABSTRAK</b>	IV
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	V-VII
<b>SENARAI GAMBAR</b>	VIII
<b>SENARAI CARTA</b>	IX

## **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pendahulan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Kepentingan Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Sorotan Kajian	7
1.7	Kaedah Kajian	14
1.8	Pembahagian Bab	14
1.9	Kesimpulan	15

## **BAB 2: Sejarah Latar Belakang Rumah Panjang Teberu**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Masyarakat Iban	16
2.3	Sejarah Kedatangan Masyarakat Iban Ke Sarawak	17
2.4	Struktur Rumah Panjang	21
2.5	Latar Belakang Rumah Panjang Teberu	22
	2.5.1a Struktur Rumah Panjang Teberu	26
	2.5.2b Komposisi Penduduk di Rumah Panjang Teberu	33
	2.5.3c Ekonomi Masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu	35
	2.5.4d Sosial	35
2.6	Rumusan	37

<b>BAB 3:</b>	<b>PEMELIHARAAN SOSIOEKONOMI DI RUMAH PANJANG TEBERU DARI TAHUN 1990 SEHINGGA TAHUN 2019</b>	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Sosial	
	3.2.1a Perkahwinan	42
	3.2.2b Perayaan Hari Gawai Dayak	46
	3.2.3c Kematian	53
3.3	Ekonomi	
	3.3.1a Pertanian	58
	3.3.2b Penternakan	66
3.4	Rumusan	67
<b>BAB 4:</b>	<b>Perubahan Sosioekonomi Masyarakat Iban Di Rumah Panjang Teberu Dari Tahun 1990 Sehingga Tahun 2019</b>	
4.1	Pengenalan	69
4.2	Sosial	
	4.2.1a Perkahwinan	72
	4.2.2b Perayaan Hari Gawai Dayak	78
	4.2.3c Kematian	82
4.3	Ekonomi	
	4.3.1a Pertanian	85
	4.3.2b Penternakan	90
4.4	Rumusan	91
<b>BAB 5:</b>	<b>KESIMPULAN</b>	92
<b>RUJUKAN</b>		98
<b>LAMPIRAN</b>		102



## SENARAI GAMBAR

		Halaman
Gambar 2.1:	Rumah Panjang Teberu	25
Gambar 2.2:	Ruai Rumah Panjang Teberu	22
Gambar 2.3:	Struktur Organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Rumah Panjang Teberu	30
Gambar 2.4:	Carta Organisasi Biro Wanita Rumah Rumah Panjang Teberu	32
Gambar 3.1:	Upacara Minyak Tiang Peningat di Rumah Panjang Teberu pada Tahun 1999	50
Gambar 3.2:	Upacara Miring di Tiang Peningat di Rumah Panjang Teberu pada Tahun 2007	51
Gambar 3.3:	Anak Padi atau Samai	60
Gambar 3.4:	Aktiviti Menugal Anak Padi	62
Gambar 3.5:	Ketap	64
Gambar 3.6:	Sintung	65
Gambar 4.1:	Upacara Memberkati Perkahwinan Pasangan di Gereja	74
Gambar 4.2:	Majlis Perkahwinan Masyarakat Iban Pada Masa kini di Rumah Panjang Teberu	77



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI CARTA

	HALAMAN
CARTA 2.1: KOMPOSISI PENDUDUK DI RUMAH PANJANG TEBERU PADA TAHUN 2019	34



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Masyarakat Iban merupakan etnik yang terbesar di Sarawak. Sekitar tahun 2006, telah dianggarkan seramai 858989 jumlah kaum Iban daripada jumlah penduduk di Sarawak. Hampir setiap daerah di kawasan Sarawak didiami oleh masyarakat Iban. Sekitar abad ke-16, masyarakat Iban telah berhijrah ke Kepulauan Borneo. Namun terdapat segelintir masyarakat Iban menetap di kawasan Kalimantan di Indonesia. Semasa melakukan penhijrahan dahulu, masyarakat Iban telah terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama telah menggunakan laluan dari bahagian Hulu Kapuas di Indonesia, manakala kumpulan yang kedua telah menggunakan laluan Batang Ai di Sarawak<sup>1</sup>. Masyarakat Iban merupakan salah satu masyarakat yang suka menggembara dan berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Ini adalah bertujuan untuk mencari kawasan yang sesuai untuk melakukan aktiviti pertanian iaitu penanaman padi bukit. Migrasi pertama yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah dari Ketungau iaitu di kawasan Sungai Kapuas ke kawasan Sungai Undop di Sarawak. Ini menunjukkan bahawa petempatan pertama masyarakat Iban adalah di kawasan Sungai Undop, Simanggang Sarawak. Namun masyarakat Iban telah berpecah ke kawasan yang lain seperti Miri, Limbang dan juga Bintulu<sup>2</sup>. Di kawasan Sungai Undop, lebih daripada seratus buah rumah panjang telah dibina di kawasan tersebut. Kebanyakan masyarakat Iban tinggal di kawasan rumah panjang yang diperbuat

---

<sup>1</sup> Gregory Kiyai & Noria Tugang, *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka*, Jurnal Kinabalu, Bil 26 (1), 2020, hlm 59

<sup>2</sup> Haslinda Md.Nazri, *Aspek Sosial Dan Kebudayaan Masyarakat Iban Di Sarawak*, Ideology Jurnal, 3(2), 2018, hlmn 79

daripada kayu iaitu kayu belian. Mereka akan menetap di satu-satu kawasan dalam tempoh 30 sehingga 40 tahun<sup>3</sup>.

Masyarakat Iban mempunyai aktiviti ekonomi yang tersendiri. Pengertian bagi sosio ekonomi adalah aspek kemasyarakatan dan kemanusiaan dalam penilaian terhadap ekonomi<sup>4</sup>. Kehidupan masyarakat Iban pada zaman dahulu secara keseluruhannya telah dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi mereka. Masyarakat Iban pada zaman dahulu hidup secara berpindah-randah kerana ingin mencari kawasan yang subur bagi penanaman padi bukit. Mereka akan berpindah ke kawasan yang mempunyai tanah yang subur dan kawasan yang mempunyai banyak binatang. Ini adalah kerana kegiatan ekonomi utama masyarakat Iban adalah penanaman padi bukit dan juga memburu binatang. Mereka menjalankan aktiviti pemburuan binatang kerana dijadikan sebagai sumber makanan utama dan kulit binatang dijadikan sebagai pakaian manakala tulang-tulang binatang dijadikan sebagai peralatan harian mereka seperti parang. Namun, kegiatan ekonomi masyarakat Iban telah berubah mengikut perkembangan negara. Walaupun kegiatan ekonomi masyarakat Iban telah mengalami perubahan, namun terdapat beberapa aktiviti ekonomi yang masih dikekalkan dalam masyarakat Iban seperti penanaman padi<sup>5</sup>.

Jika ditinjau dari segi sosial pula, masyarakat Iban pada zaman dahulu sangat berpegang teguh kepada adat-adat dan juga pantang larang dalam kehidupan mereka. Dalam masyarakat Iban, amalan dan hukum merupakan sistem undang-undang tradisi yang harus diamalkan oleh mereka yang bertujuan untuk merealisasikan perpaduan, kesejahteraan, keharmonian dan juga kehormatan dalam masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Masyarakat Iban sangat menitikberatkan kehormatan dan juga perpaduan dalam kehidupan mereka. Adat yang diamalkan oleh mereka merupakan peraturan dalam kehidupan mereka yang

---

<sup>3</sup> Jayum Anak Jawan, *Conflict Resolution Through Consensus Building: Experiences from the DayakThan Community of Sarawak, East Malaysia*, PARTANIKA J, Soc, Sci & Hum, 4(2),1996, hlmn 122

<sup>4</sup> Ummi Salwa, et al., *Konsep Pembangunan Sosioekonomi Kampung Bercirikan Mizan*, International Islamic And Science Seminar, Penang: Universiti Sains Malaysia, 2018. hlmn 1

<sup>5</sup> Gregory Kiyai & Noria Tugang, *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka*, Jurnal Kinabalu, Bil 26(1), 59-71, ,2020, hlm 59

wajib mereka patuhi. Pantang larang yang mereka amalkan juga bertujuan untuk menjaga, mengawal dan juga melindungi penduduk di rumah panjang tersebut . Namun, masyarakat Iban pada zaman sekarang sudah kurang mematuhi pantang larang dan adat masyarakat Iban. Ini adalah berikutan dengan perkembangan dunia. Terdapat perubahan yang berlaku dalam adat dan pantang larang masyarakat Iban kerana kebanyakan masyarakat Iban sudah memeluk agama iaitu agama Kristian berbanding dengan masyarakat Iban pada zaman dahulu mempercayai animisme. Namun terdapat juga sesetengah adat dan pantang larang yang masih lagi diamalkan pada masa sekarang yang bersesuaian dengan kehidupan kita pada masa kini<sup>6</sup>.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Perkembangan sosio ekonomi masyarakat Iban pada zaman sekarang seiring dengan pembangunan negara. Perkembangan yang berlaku dalam sosio ekonomi masyarakat Iban secara langsung telah mempengaruhi corak kehidupan mereka. Pekara ini dapat dilihat dalam kehidupan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu. Walaupun mereka tinggal di kawasan luar bandar, namun mereka tetap mengikuti perkembangan negara terutamanya dalam bidang sosioekonomi.

Walaupun masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu, mengikuti perkembangan ekonomi negara, namun masih terdapat beberapa aktiviti ekonomi yang masih lagi dipelihara oleh masyarakat Iban di kawasan kajian. Walaupun masih terdapat beberapa aktiviti ekonomi yang masih lagi dipelihara oleh masyarakat Iban, namun terdapat beberapa perubahan dalam aktiviti ekonomi yang mereka jalankan. Aktiviti ekonomi masyarakat Iban pada zaman sekarang telah banyak mengalami perubahan akibat daripada pembangunan dalam pendidikan dalam kalangan masyarakat Iban. Namun di dalam setiap pembangunan atau perubahan yang dilakukan oleh masyarakat Iban dalam aktiviti ekonomi mereka, masih terselit lagi pemeliharaan yang mereka lakukan dalam aktiviti ekonomi mereka. Contoh dalam bidang penanaman padi. Walaupun cara penanaman padi masyarakat Iban telah moden seperti penggunaan jentera menuai, namun dalam masa yang sama terdapat segelintir masyarakat Iban yang masih

---

<sup>6</sup> Haslinda Md.Nazri, *Aspek Sosial Dan Kebudayaan Masyarakat Iban Di Sarawak*, Ideology Jurnal, 3(2), 2018, hlmn 79

mengekalkan cara tradisional untuk menuai padi. Pekara ini dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Iban di Teberu. Mereka masih lagi menggunakan peralatan tradisional yang digunakan sejak turun temurun yang dipanggil *ketap* untuk menuai padi. Oleh hal yang sedemikian, kita perlulah mengkaji mengapakah pemeliharaan seperti itu masih lagi dijalankan oleh mereka walaupun dan kita juga perlu mengetahui apakah lagi aktiviti ekonomi yang masih dipelihara oleh mereka dan bagaimana mereka memelihara kegiatan ekonomi tersebut. Begitu juga dengan aspek sosial masyarakat Iban. Ini dapat dilihat dari segi kepercayaan masyarakat Iban. Walaupun masyarakat Iban pada zaman sekarang telah menganut agama Kristian, namun mereka juga masih lagi mengadakan ritual miring semasa perayaan Hari Gawai Dayak terutamanya. Oleh sebab itu muncul permasalahan dalam kajian ini iaitu mengapakah pekara seperti itu masih lagi dilakukan oleh masyarakat Iban seperti yang berlaku di Rumah Panjang Teberu. Walaupun mereka sudah memeluk agama Kristian tapi mereka masih lagi melakukan upacara *miring*.

Memang tidak dinafikan bahawa, masyarakat Iban di Sarawak kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar. Namun, masyarakat Iban di Sarawak tetap tidak ketinggalan dalam mengikuti arus pemodenan negara terutamanya dalam bidang sosioekonomi negara. Sejalan dengan pembangunan negara, aspek sosioekonomi masyarakat Iban juga telah mengalami perubahan. Ini dapat dilihat dalam kegiatan ekonomi yang mereka lakukan. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban terkenal dengan aktiviti pemburuan binatang. Namun sekarang, masyarakat Iban telah terlibat dengan aktiviti ekonomi seperti penanaman kelapa sawit. Pekara ini jelas dapat dilihat di Rumah Panjang Teberu Sarawak. Jadi, timbul persoalan dalam pengkaji, mengapakah pekara tersebut berlaku dan bagaimanakah pekara tersebut telah berlaku. Apakah jenis aktiviti ekonomi masyarakat Iban yang telah mengalami perubahan sejajar dengan arus pemodenan negara yang telah menyebabkan kajian ini dilakukan. Aspek sosial masyarakat Iban juga mengalami perubahan. Ini dapat dilihat dari segi perayaan Hari Gawai. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban menyambut perayaan Hari Gawai dengan penuh adat dan pantang larang seperti melakukan upacara miring. Namun sekarang, masyarakat Iban sudah kurang melakukan aktiviti seperti upacara miring pada perayaan Hari Gawai. Jadi, mengapakah perubahan tersebut berlaku dan apakah aspek sosial yang turut mengalami perubahan di dalam kalangan masyarakat Iban di Rumah

Panjang Teberu. Oleh hal yang demikian, wujud beberapa permasalahan yang berkaitan dengan pemeliharaan dan perubahan dalam sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019 iaitu apakah sejarah latar belakang masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu Paku Spaoh, Sarawak, apakah pemeliharaan terhadap sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu Paku Spaoh dari tahun 1990 sehingga tahun 2019, dan adakah sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu Paku Spaoh mengalami perubahan dari tahun 1990 sehingga tahun 2019.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara khususnya kajian ini akan mengkaji mengenai pemeliharaan dan perubahan sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Objektif kajian yang pertama ialah mengkaji sejarah latar belakang Rumah Panjang Teberu bermula dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Objektif kajian yang kedua pula ialah meninjau pemeliharaan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Objektif kajian yang ketiga ialah mengenalpasti perubahan sosioekonomi di dalam kalangan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan menyelidik dengan lebih mendalam mengenai sejarah Rumah Panjang Teberu yang didiami oleh masyarakat Iban. Masyarakat Iban di kawasan ini didapati tinggal di rumah panjang dengan keadaan yang damai dan harmoni. Melalui kajian ini, kita akan lebih mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah kewujudan Rumah Panjang Teberu dan sejarah kependudukan masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu. Kajian ini juga akan mendedahkan mengenai keunikan etnik Iban terutamanya masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu.

Kajian ini juga akan mendedahkan dengan mendalam mengenai aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Iban. Kajian ini bukan sahaja mendedahkan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh mereka, malah kajian ini akan mendedahkan apakah aktiviti ekonomi masyarakat Iban yang masih dipelihara oleh

mereka sehingga kini. Dalam kajian ini akan diberikan penerangan yang jelas mengenai aktiviti ekonomi yang masih dipelihara oleh masyarakat Iban khususnya di Rumah Panjang Teberu. Selain daripada memberi penerangan mengenai aktiviti ekonomi yang masih lagi dipelihara oleh masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu, dalam kajian ini juga akan menerangkan apakah aktiviti ekonomi di Rumah Panjang Teberu yang telah mengalami perubahan. Dalam kajian ini akan menerangkan secara jelas mengapakah terdapat perubahan dalam kegiatan ekonomi masyarakat Iban. Dalam aspek sosial juga, kajian ini akan memberi penjelasan mengenai aspek sosial yang masih lagi dipelihara oleh masyarakat Iban terutamanya masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu. Perubahan dalam aspek sosial masyarakat Iban juga akan diberikan penjelasan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam memperbanyakkan lagi kajian mengenai masyarakat Iban khususnya di Rumah Panjang Teberu. Disamping itu, kajian ini dapat menambahkan lagi sumber-sumber rujukan ilmiah mengenai masyarakat Iban. Kajian ini akan memperluaskan lagi pengetahuan ilmiah mengenai aktiviti-aktiviti ekonomi dan juga aspek sosial masyarakat Iban. Kajian ini akan membuka ruang untuk penyelidik yang akan datang untuk mengkaji dengan lebih mendalam sekiranya terdapat jurang atau kekurangan dalam kajian ini.

### **1.5 Skop Kajian**

Dalam kajian ini, skop kajian dibahagikan kepada tiga. Skop yang pertama adalah skop kawasan. Kajian ini difokuskan kepada Rumah Panjang Teberu yang terletak di daerah Spaoh di negeri Sarawak. Terdapat tiga jenis kaum yang tinggal di Daerah Spaoh iaitu masyarakat Iban, Cina dan juga Melayu. Masyarakat Iban merupakan kaum majoriti yang menduduki kawasan daerah Spaoh. Salah satu petempatan masyarakat Iban di daerah Spaoh adalah di Rumah Panjang Teberu.

Skop kajian seterusnya ialah skop masa. Dalam kajian skop masa yang diambil oleh pengkaji adalah dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Kajian ini bermula dari tahun 1990 adalah kerana kajian ini mengambil kira tahun penubuhan Rumah Panjang Teberu. Kajian ini dilakukan sehingga tahun 2019 kerana pengkaji ingin mengkaji mengenai pemeliharaan sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu sebelum pandemik melanda.



Seterusnya skop aspek kajian. Dalam kajian ini akan memfokuskan kepada aspek sejarah sosial masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu. Makna sosial adalah hubungan manusia sesama manusia yang boleh merangkumi aspek-aspek politik dan juga ekonomi. Dalam kajian ini akan memfokuskan kepada pemeliharaan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu.

### **1.6 Sorotan Literatur**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sugiyanto (2011) iaitu *Kehidupan Sosial Budaya Etnis Dayak Iban Di Badau* masyarakat Iban didapati tinggal di kawasan Badau di Kalimantan Indonesia. Dalam kajian ini telah menjelaskan mengenai ekonomi masyarakat Iban di Baduu, Kalimantan Indonesia. Dalam bidang ekonomi, masyarakat Iban di Badau Kalimantan Indonesia telah melakukan sistem barter iaitu sistem pertukaran barang. Barang-barang yang ditukar dalam sistem barter adalah hasil daripada pertanian. Masyarakat Iban juga melakukan aktiviti pemburuan binatang. Mereka akan memburu binatang dalam satu kumpulan yang besar. Hasil pemburuan tersebut akan dikongsi beramai-ramai di dalam satu kawasan rumah panjang. Dari segi sistem kekeluargaan pula, masyarakat Iban tinggal di rumah panjang yang dibina daripada kayu belian. Terdapat seramai 4 sehingga 50 buah keluarga yang mendiami sesebuah rumah panjang. Setiap ruang yang didiami oleh masyarakat Iban di rumah panjang tersebut dikenali sebagai *Bilik*. Kebiasaannya, mereka yang tinggal di rumah panjang tersebut terdiri daripada dua atau tiga generasi dengan pengecualian saudara disebabkan oleh perkahwina yang menyebabkan mereka tidak dapat lagi tinggal bersama dengan ahli keluarga mereka<sup>7</sup>.

Juliza Anak Kennedy (2007) dalam kajiannya iaitu, *Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi* menyatakan bahawa masyarakat Iban pada zaman dahulu tinggal di kawasan tanah yang rendah dan ada juga masyarakat Iban yang tinggal di kawasan rumah panjang yang tertumpu di kawasan tebingan sungai. Masyarakat Iban telah berhijrah ke Kepulauan Borneo

---

<sup>7</sup> Sugiyanto, *Kehidupan Sosial Budaya Etnis Dayak Iban Di Badau*, *Informasi Jurnal*. Vol 16, No 02, 2011, hlm 134

dari Kalimantan Indonesia yang menyebabkan mereka menganut kepercayaan penduduk di Kalimantan Borneo. Mereka telah melakukan penghijrahan ke Sungai Undop Sarawak dan membina petempatan mereka di kawasan itu. Ini menunjukkan bahawa petempatan pertama masyarakat Iban adalah di kawasan Sungai Undop di Sarawak. Berdasarkan kajian ini, masyarakat Iban pada masa itu memilih kawasan tersebut kerana kawasan tersebut memiliki tanah yang subur untuk melakukan penanaman padi terutamanya padi bukit. Dalam sistem kepercayaan, masyarakat Iban dikatakan mempunyai ramai Petara (Tuhan). Masyarakat Iban mempercayai bahawa Petara mereka menggunakan kuasa ghaib kerana Petara mereka bersifat baik hati dengan sesiapa sahaja yang memuja semangatnya<sup>8</sup>.

Jayum Anak Jawan dalam artikel *Conflict Resolution Through Consensus Building: Experiences from the Dayak Than Community of Sarawak, East Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 1996 telah melakukan kajian mengenai peranan masyarakat Iban dalam susunan sosial masyarakat Iban itu sendiri. Nilai sosiobudaya masyarakat Iban telah menggalakkan saling pergantungan di antara setiap individu masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban yang melanggar sebarang adat dan peraturan serta pantang larang akan disishkan daripada masyarakat Iban itu sendiri. Pihak yang melanggar adat, peraturan dan pantang larang akan dimarahi atau dikenakan hukuman sehingga mewujudkan rasa malu di atas tindakan mereka itu. Ini adalah bertujuan untuk memastikan agar mereka tidak mengulangi lagi kesalahan mereka iaitu melanggar adat, peraturan dan pantang larang dalam masyarakat Iban. Dalam konteks sosial, ini sangat menjelaskan bahawa masyarakat Iban sangat mementing dan meninggikan adat, peraturan dan pantang larang dalam kehidupan mereka. Berdasarkan Jawum Anak Jawan, penerimaan masyarakat Iban terhadap kedudukan dan tanggungjawab mereka dalam konteks sosial yang harmoni dalam memastikan keadilan ekonomi dan juga kestabilan politik di rumah panjang<sup>9</sup>.

---

<sup>8</sup> Juliza Anak Kennedy, *Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi*, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak, hlmn 7-8

<sup>9</sup> Jayum Anak Jawan, *Conflict Resolution Through Consensus Building: Experiences from the Dayak Than Community of Sarawak, East Malaysia*, PARTANIKA J, Soc, Sci & Hum, 1999, Hlmn: 122

Haslinda Md.Nazri (2018) dalam kajiannya iaitu *Aspek Sosial Dan Kebudayaan Masyarakat Iban Di Sarawak menyatakan bahawa* Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai kepelbagaian warisan budaya, kepelbagaian adat dan juga tradisi. Dalam kajian ini menyatakan bahawa masyarakat Iban pada zaman dahulu suka menggembara dan berpindah randah dari satu kawasan ke satu kawasan untuk mencari kawasan yang sesuai untuk melakukan penanaman padi bukit. Penanaman padi bukit merupakan kegiatan utama ekonomi masyarakat Iban pada zaman dahulu<sup>10</sup>. Dalam sosio budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu, aktiviti *ngayap* merupakan aktiviti yang wajib dilakukan oleh masyarakat Iban. *Ngayap* merupakan perbuatan teruna memikat anak dara yang dilakukan pada waktu malam. Amalan *ngayap* dilaksanakan untuk membolehkan si teruna untuk meluahkan isi hati mereka kepada pasangan masing-masing. Walaupun amalan ngayap dibenarkan dalam masyarakat Iban, amalan *ngayap* dilakukan dengan penuh adap berlandaskan adat dan pegangan masyarakat Iban pada ketika itu<sup>11</sup>. Dalam adat kematian masyarakat Iban, mayat akan diletakkan di ruai iaitu di atas para yang dibina khas semasa kematian berlaku. Mayat akan dikelilingi dengan menggunakan sapat iaitu kain pua kumbu yang ditunen oleh wanita masyarakat Iban. Barangan peribadi milik mayat akan diletakkan bersama mayat<sup>12</sup>.

Menurut Mohammad Maulana & Franklin Ragai Kundat (2020) dalam kajiannya *Ritual Sabak Dalam Budaya Masyarakat Iban Di Daerah Sebauh, Sarawak* menyatakan bahawa ritual sabak merupakan satu aspek sosial yang tergolong dalam bidang kepercayaan. Kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban sejak turun temurun. Ritual sabak berasal dari dua pekara masyarakat Iban, iaitu kehidupan pusingan kematian dan kehidupan manusia dan kepercayaan kepada animisme. Sabak yang digunakan dalam kematian adalah sabah bebuah. Sabah bebuah telah bermula diamalkan oleh masyarakat Iban semenjak awal tahun 1990 sehingga tahun 1994. Sabak bebuah diamalkan disekitar kawasan utama petempatan masyarakat Iban di Sarawak iaitu di Julau, Kapit, Undop, Saribas dan juga Kapit. Dalam masyarakat Iban SabaK bebuah telah dibahagikan kepada dua

---

<sup>10</sup> Haslinda Md.Nazri, *Aspek Sosial Dan Kebudayaan Masyarakat Iban Di Sarawak*, Ideology Jurnal, 3(2), hlm 80

<sup>11</sup> Haslinda Md.Nazri, *Ibid.*, hlm 84

<sup>12</sup> Haslinda Md.Nazri, *Ibid.*, hlm 86

iaitu Sabak Kenang dan juga Sabak Kumang. ,Sabak Kenang terdiri daripada sabak bangkai, Sabak Sedan, Sabak Ngeraisdan Sabak Rempoh. Sabak Pana akan dipersembahkan semasa berda di kawasan tanah perkuburan. Manakala Sabak Ulit dan Sabak Tina akan dilakukan semasa upacara Ngetas Ulit iaitu upacara penamatan masa perkabungan. Selain daripada itu, Sabak Lumbang iaitu kategori Sabak Kenang pula akan dilakukan tanpa berdepan dengan mayat si mati<sup>13</sup>.

Bibiana Motey Senang & Noria Tugang, (2016) dalam kajiannya *Ritual Miring Dalam Masyarakat Iban* di Sarawak menyatakan ritual miring dikategorikan dalam aspek sosio budaya masyarakat Iban di Sarawak. Berdasarkan Bibiana Motey Senang & Noria Tugang (2016), budaya miring merupakan salah satu adat dalam masyarakat Iban yang masih diamalkan oleh mereka terutamanya di Bahagian Betong, Sarawak. Miring merupakan sebuah upacara persembahan atau berdoa kepada Tuhan mereka iaitu nenek moyang mereka yang telah meninggal. Ini adalah bertujuan untuk memberkati, melindungi mereka, membawa kebahagiaan, keharmonian dan kedamaian kepada masyarakat Iban di setiap rumah panjang. Ritual miring dilakukan berdasarkan keperluan mengikut zaman. Pada zaman dahulu, ritual miring selalu diadakan semasa aktiviti-aktiviti ngayau dilakukan, membuka kawasan petempatan baru, berpindah ke kawasan yang baru atau semasa bejalai iaitu memburu binatang. Namun, pemodenan zaman telah menyebabkan ritual miring dilupakan secara perlahan-lahan. Masyarakat Iban pada zaman moden kebanyakannya memerlukan bantuan dari kuasa-kuasa luar biasa untuk mendapatkan kekayaan, perlindungan dan juga keselamatan serta keharmonian kehidupan mereka. Budaya miring seharusnya dikekalkan kerana budaya tersebut merupakan warisan tradisi daripada nenek moyang sejak turun temurun lagi. Budaya Miring harus diteruskan kerana ianya merupakan lambang kepada masyarakat Iban<sup>14</sup>.

Novel Lyndon, Hubert Ron Ragam & Mohd Helmi Abd. Rahim ( 2017) dalam kajian mereka iaitu *Peranan Pendidikan Terhadap Mobiliti Sosial Komuniti Iban Di*

---

<sup>13</sup> Mohammad Maulana & Franklin Ragai Kundat, *Ritual Sabak Dalam Budaya Masyarakat Iban Di Daerah Sebauh*, Sarawak. Sarawak: Universiti Putra Malaysia, 2020, hlmn 37-38

<sup>14</sup> Bibiana Motey Senang & Noria Tugang, *Ritual Miring Dalam Masyarakat Iban di Sarawak*, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak, 2016.

*Luar Bandar Di Daerah Kecil Spaoh, Sarawak: Satu Kajian Fenomenologi* menyatakan bahawa dalam aspek sosial masyarakat Iban, status mobiliti sosial sangat dititikberatkan. Dalam masyarakat Iban, pendidikan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan perubahan status mobiliti sosial sesebuah komuniti terhadap komuniti luar bandar. Etnik Iban merupakan etnik yang masih lagi mengamalkan cara hidup berdasarkan nilai yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Etnik Iban merupakan antara masyarakat yang tinggal di kawasan yang berdekatan dengan hutan dan mereka menjalankan aktiviti pertanian sebagai aktiviti ekonomi utama masyarakat mereka. Selain daripada penanaman padi, masyarakat Iban juga menjalankan aktiviti seperti menangkap hasil sungai, memburu binatang dan memetik hasil hutan. Gaya hidup masyarakat Iban telah diambil kira sebagai penanda aras identiti dan mobiliti sosial. Ini adalah kerana aktiviti ekonomi yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban adalah berdasarkan alam semulajadi. Dalam masyarakat Iban pada zaman sekarang, pendidikan sangat penting dimana pendidikan pada masa sekarang adalah bersifat ekonomi, meningkatkan status sosial mereka di dalam struktur sosial masyarakat Iban di luar dan menjamin kelangsungan kehidupan mereka sebagai sebuah masyarakat industri. Masyarakat Iban sangat mementingkan pendidikan dalam meningkatkan status mobiliti sosial mereka<sup>15</sup>.

Gregory Kiyai & Noria Tugang. *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka*. (2020) Dalam kajian ini, masyarakat Iban dikatakan kaya dengan pelbagai jenis warisan dan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Warisan tergolong dalam aspek sosial. Warisan merujuk kepada kepercayaan, kemahiran tradisi yang ditinggalkan oleh Petara (Tuhan) kepada masyarakat Iban. Masyarakat Iban mempercayai bahawa Petara mereka adalah roh nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia. Hubungan antara masyarakat Iban dengan Petara diibaratkan senipis kulit terung. Masyarakat Iban dan Petara jereka dikatakan tinggal berdekatan di sebuah kawasan yang disebut sebagai Tembawai Tampun Jauh iaitu di Kalimantan Barat, Indonesia. Bermula daripada itu, masyarakat Iban telah mempraktikkan segala kemahiran seperti membuat parang menenun kain pua

---

<sup>15</sup> Novel Lyndon, et al., *Peranan Pendidikan Terhadap Mobiliti Sosial Komuniti Iban Di Luar Bandar Di Daerah Kecil Spaoh, Sarawak: Satu Kajian Fenomenologi*, Journal Of Society Sciences And Humanities, Vol 12, No. 3, 2017, hlm 2-3

kumbu dan sebagainya. Disini menjelaskan bahawa masyarakat Iban sangat menitikberatkan kepercayaan dalam kehidupan mereka<sup>16</sup>.

Mula Anak Kelabu & Kamal Solhaimi Bin Fadzil (2019) dalam kajian mereka iaitu *Realiti Dan Aspirasi Pembangunan Masyarakat Iban Di Pedalaman Song, Kapit, Sarawak: Kajian Kes Di Tiga Buah Rumah Panjang* menyatakan bahawa di daerah Song, Kapit, daripada 90 isi rumah hanya terdapat 39 isi rumah yang masih menetap di rumah panjang. Kebanyakan daripada mereka telah berhijrah ke bandar. Antara faktor utama penghijrahan masyarakat Iban ke bandar adalah disebabkan oleh faktor ekonomi. Mereka ingin mendapatkan peluang pekerjaan untuk menampung keperluan harian mereka. Ini adalah kerana rumah panjang masyarakat Iban tidak mempunyai kegiatan ekonomu yang kukuh yang boleh menampung kehidupan mereka di rumah panjang. Kebanyakan mereka akan kembali ke rumah panjang sewaktu perayaan Hari Gawai sahaja. Dalam kajian ini menyatakan bahawa, status pekerjaan rumah panjang telah mempengaruhi pendapatan bulanan masyarakat Iban di rumah panjang. Kebanyakan masyarakat Iban di rumah panjang hanya menjalankan kegiatan ekonomi seperti menanam lada, menoreh getah dalam skala yang kecil sahaja. Masyarakat Iban di rumah panjang juga menjalankan kegiatan memburu binatang yang bertujuan untuk dijual sahaja<sup>17</sup>.

Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab (2014) *Hubungan Antara Angkubah Sosioekonomi Dan Penyertaan Komuniti Iban Dalam Program Pembangunan Diri*. Dalam kajian ini menyatakan bahawa faktor sosioekonomi seperti tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan merupakan elemen yang boleh mempengaruhi keterlibatan komuniti masyarakat Iban dalam program pembangunan yang diadakan oleh agensi kerajaan. Pekara ini dapat dilihat dari penyertaan golongan petani dalam organisasi sosial di Obubra Local Government Area (LGA). Kebanyakan para petani mempunyai tahap pendidikan dan jumlah pendapatan yang agak tinggi didapati lebih cenderung untuk mengikuti organisasi sosial yang dianjurkan oleh

---

<sup>16</sup> Gregory Kiyai & Noria Tugang, *Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka*, Jurnal Kinabalu, Bil 26 (1), 2020, hlmn 59-60

<sup>17</sup> Mula Anak Kelabu & Kamal Solhaimi Bin Fadzil, *Realiti Dan Aspirasi Pembangunan Masyarakat Iban Di Pedalaman Song, Kapit, Sarawak: Kajian Kes Di Tiga Buah Rumah Panjang*, MANU Bil, 2019, hlm 139-141

agensi kerajaan. Jumlah pendapatan sesebuah keluarga dan taraf pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan tahap penyertaan peserta iaitu masyarakat Iban dalam projek Hala Cara Baru (HCB)<sup>18</sup>.

### **1.7 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian sangat penting di dalam setiap penyelidikan. Kaedah kajian penting dalam kajian agar penyelidikan yang dilakukan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan dalam kajian. Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan porsedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. Kaedah kualitatif dilaksanakan untuk mengumpul data, memperoleh makna dan memperoleh pemahaman daripada satu kes. Proses pengumpulan data adalah untuk mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat dan menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data<sup>19</sup>.

Kajian ini menggunakan tiga kaedah kualitatif iaitu Kaedah temu bual. Kaedah temu bual merupakan kaedah untuk mengumpul maklumat mengenai demografi penduduk, aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan dan mengumpul maklumat mengenai aspek sosial yang masih lagi dipelihara dan aspek sosial yang telah mengalami perubahan. Kaedah kajian seterusnya ialah kaedah perpustakaan-kaedah perpustakaan merupakan kaedah yang menggunakan sumber-sumber ilmiah seperti buku-buku, artikel dan jurnal untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian. Selain itu, kaedah analisis data juga digunakan dalam kajian ini. Kaedah analisis data adalah proses penyelidikan dimana data yang telah dikumpul dari sumber-sumber akan diproses untuk menjawab rumusan masalah.

---

<sup>18</sup> Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab, *Hubungan Antara Angkubah Sosioekonomi Dan Penyertaan Komuniti Iban Dalam Program Pembangunan Diri*, Journal Of Business And Social Development, Volume 2, Number 1,,2014, hlm 118

<sup>19</sup> Kamarul Azmi Jasmi, *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*, Universiti Teknologi Malaysia: Faculty of Islamic Civilization, 2012, hlm 2

## **1.8 Pembahagian Bab**

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bab. Bab pertama adalah proposal kajian. Manakala bab dua adalah mengenai sejarah Rumah Panjang Teberu. Dalam bab ini akan menerangkan dengan teliti mengenai sejarah Rumah Panjang Teberu. Dalam bab 3 pula, akan menerangkan mengenai pemeliharaan aspek sosial seperti sistem kepercayaan, kesenian, adat dan pantang larang serta kebudayaan di Rumah Panjang Teberu. Selain itu, dalam bab tiga ini juga akan menjelaskan dengan teliti mengenai pemeliharaan aktiviti ekonomi di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga 2019. Manakala dalam bab empat pula, akan menerangkan setiap perubahan dalam aspek sosial seperti sistem kepercayaan, kesenian, adat dan pantang larang serta kebudayaan dalam masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu. Perubahan dalam aktiviti ekonomi di Rumah Panjang Teberu juga akan dijelaskan di dalam bab ini. Manakala bab lima pula merupakan kesimpulan bagi keseluruhan kajian dan mengandungi sedikit ringkasan mengenai kajian yang dijalankan.

## **1.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini akan mengkaji mengenai pemeliharaan dan juga perubahan sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dari tahun 1990 sehingga tahun 2019. Kajian ini akan mengkaji mengenai sejarah masyarakat Iban di Rumah Teberu seperti migrasi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu dan sejarah Rumah Panjang Teberu itu sendiri. Dalam kajian ini juga akan mengkaji mengenai pemeliharaan aspek sosial dan aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu kerana kebanyakan kajian sebelum ini hanya mengkaji mengenai perkembangan dan perubahan sosioekonomi masyarakat Iban. Selain daripada itu, perubahan dalam aspek sosioekonomi masyarakat Iban di Rumah Panjang Teberu juga akan dikaji dalam kajian ini. Dalam kajian ini, kaedah kajian seperti kaedah kualitatif akan digunakan untuk menjawab segala persoalan dan permasalahan kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting dalam bidang ilmiah dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada para pengkaji yang akan datang.